

# Raya di rumah kebajikan

## Dari muka 6

Kini, Alia yang juga penghuni paling tua di rumah berkenaan, berkata akibat tidak mengambil ubat secara teratur, dia sudah mula mengalami kesan sampingan seperti hilang selera makan, lesu dan hilang fokus yang cukup menyakitkan diri.

"Saya tahu apa yang boleh terjadi pada diri saya dan doktor juga banyak memberikan nasihat supaya saya terus mengambil ubat secara teratur.

"Penjaga Rumah Solehah juga tidak jemu memberikan nasihat agar saya kuat berdepan dengan cubaan hidup. Namun, jiwa muda saya ini terus memberontak.

"Mungkin kerana saya takut dan tidak tahu apa akan terjadi pada

“

*Saya tahu apa yang boleh terjadi pada diri saya dan doktor juga banyak memberikan nasihat supaya saya terus mengambil ubat secara teratur”*

**Alia,**  
Penghidap HIV



Alumni Sekolah Menengah Alam Shah 8993 dan Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyerahkan sumbangan pada majlis berbuka puasa bersama penghuni Rumah Solehah di Kampung Pandan, Kuala Lumpur. [FOTO AZIAH AZMEE / BH]

diri saya selepas berusia 18 tahun dan keluar dari rumah ini. Saya tidak mahu mengulangi kesilapan kedua-dua orang tua saya," katanya menahan sebak.

### Takut dekati Alia

Akur dengan takdir, katanya, kesan perbuatan lampau ibu bapanya yang didakwa juga positif HIV, dia terpaksa menerima keadaan kerana sedar dirinya tidak mampu mengubah sejarah hidup.

Lebih menyayat hati, kongsi gadis ini, tidak semua individu di kelilingnya dapat menerimanya dengan ikhlas sebagai pembawa virus membawa maut biarpun terpapar senyuman kemesraan.

"Kalau ada yang datang ke rumah ini, saya dapat lihat air muka dan sikap mereka yang teragak-agak untuk mendekati. Bagaimanapun, ada juga yang sangat baik ikhlas membantu.

"Di sekolah pula, tidak ramai

yang ingin berkawan dengan saya kerana tinggal di rumah kebajikan. Kawan yang ada hanyalah mereka yang senasib dengan saya.

"Bahkan, ada di antara guru yang masih takut untuk mendekati saya dan saya tidak dibenarkan menduduki kelas Kemahiran Hidup kerana khuatir berlakunya kecederaan dan virus akan berjangkit," katanya kini semakin lali dengan ketetapan hidupnya.

## Harap dapat rai lebaran dengan ayah

Alia mengharapkan ketibaan Syawal yang mulia ini mewujudkan sinar baharu dalam hidup dan dapat tinggal sebumbung dengan ahli keluarga lain.

Bagi Alia, beliau teringin berjumpa ahli keluarganya dan tinggal bersama-sama menikmati kehidupan dengan menolak jauh kisah dan kenangan pahit masa lampau.

Alia berkata, dia sedia memaafkan kedua-dua orang

tuanya termasuk ibu yang dika-takan sudah lama meninggal dunia dan bapanya pula masih hidup dan berasal dari Kelantan.

"Sehingga hari ini, rumah ini dan pihak jabatan kebajikan sedang berusaha menjejaki bapa saya biarpun banyak kali gagal. Pencarian latar belakang atau keluarga yang tinggal menemui jalan buntu.

"Alangkah indahnya jika dapat beraya dengan ayah. Saya ingin lupakan semua kisah silam dan harapkan perjalanan hidup baharu untuk masa akan datang," katanya yang mungkin beraya dengan penjaga Rumah Solehah.

### Akan terus berdoa

Menyentuh mengenai persediaan raya, dia mengharapkan ada yang sudi datang menjenguknya menyebarkan suasana lebaran yang sebelum ini hambar baginya.

Tidak sabar menyarung baju raya, Alia terus berharap agar tahun ini dapat berjumpa bapa

“

*Ketika dihantar ke Rumah Solehah, kami dua beradik tidak berkesempatan bertemu ibu, biarpun sudah dimaklumkan terlebih dulu. Jadi, saya harap lebaran kali ini dapat menemukan kami sekeluarga”*

**Lili,**  
Penghidap HIV

kandungnya pada pagi Syawal.

"Mungkin angan-angan ini sukar dipenuhi, tetapi saya akan terus berdoa agar dapat pulang ke kampung halaman ayah sempena Syawal ini.

"Jika tidak, elok juga jika ada pelawat atau sukarelawan yang berbesar hati dapat datang jenguk saya di sini atau dibawa beraya untuk melihat sendiri kemeriahan lebaran sebagai keluarga," katanya.

### Impikan keluarga bahagia

Berbeza dua beradik yang juga penghuni Rumah Solehah, Lili, 12, dan adiknya Lis, 11, dari Perlis, Aidilfitri tahun ini lebih bermak-

na kerana mereka dapat pulang ke kampung menemui keluarga dan sahabat.

Perancangan pulang ke kampung lazimnya diuruskan oleh penjaga rumah kebajikan itu dan mereka akan dihantar pulang ke kampung masing-masing beberapa hari sebelum menjelang Syawal.

Lily yang juga pesakit HIV positif, menetap di rumah itu sejak lima tahun lalu, menjelaskan biarpun hidup tidak semewah kanak-kanak sebaya mereka, tetapi dia tetap bersyukur kerana kehidupan di rumah itu sungguh tenang.

Sarat dengan pelbagai aktiviti dan lawatan, kedua-dua beradik ini mengaku mereka semakin selesa dengan jadual harian ditetapkan biarpun pada awalnya sukar untuk menerima perubahan.

Biarpun begitu, dua beradik ini berkongsi kerinduan sama terhadap ibu mereka memandangkan sejak dihantar ke Rumah Solehah, mereka tidak pernah berjumpa lagi dengannya.

### Rindu belaian kasih ayah, ibu

Meskipun Lily seronok tinggal di Rumah Solehah, tetapi hati kecilnya amat merindui belaian kasih ibu.

Sejak lima tahun lalu, kemeriahan beraya tidak dinikmati sepenuhnya kerana ibu sentiasa sibuk bekerja di Pulau Pinang dan selalu

tidak dapat cuti panjang.

"Nenek sering memberitahu ibu saya terpaksa bekerja keras untuk membesarkan kami sekeluarga. Ayah pula sudah meninggal ketika saya kecil akibat HIV positif.

"Jadi, sejak itu nenek dan datuk yang menguruskan kami tiga beradik termasuk seorang abang yang kini tinggal di kampung.

"Ketika dihantar ke Rumah Solehah, kami dua beradik tidak berkesempatan bertemu ibu biarpun sudah dimaklumkan terlebih dulu. Jadi, saya harap lebaran kali ini dapat menemukan kami sekeluarga," katanya.

### Sedia beraya dengan rakan senasib

Berbeza pula dengan Lis yang hadir dengan perwatakan sungguh ceria. Bebas HIV, kata anak gadis ini, beliau tidak meletakkan sebarang harapan, bahkan tidak kisah untuk beraya di Rumah Solehah bersama rakan lain.

"Saya tidak kisah. Apa yang penting, saya tidak dipisahkan daripada kakak kerana sejak tinggal di sini, kakak menjadi tempat saya mencurahkan perasaan.

"Kakak macam ibu yang sering melindungi saya walaupun dia tidak sihat. Kami tidak berhenti berharap dapat pulang dan hidup bahagia dalam keluarga besar," katanya.